

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-6

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN**
IBRAHIM
KAWASAN : **BANDAR TUN RAZAK**
TARIKH : **8 MAC 2018**
NO. SOALAN : **12**

SOALAN

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelan tindakan terperinci termasuk pengetatan undang-undang, penubuhan pengkalan data berpusat dan mekanisme penilaian, pemantauan dan tindakan punitif berkesan untuk menangani isu *grantpreneurship* dalam ekosistem geran dan *startup* supaya dana dan bantuan sampai kepada PKS yang benar-benar layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan pembangunan ekosistem dan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan PKS adalah menyeluruh dan mapan.

2. Selaras dengan usaha ini, salah satu daripada inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia selaku agensi penyelaras pusat untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ialah pembangunan satu sistem insentif berpusat. Sistem ini merupakan pangkalan data bersepadu SME Corp. Malaysia yang mengandungi maklumat syarikat PKS yang menerima bantuan dan insentif daripada semua agensi Kerajaan.
3. Sistem ini menjadi sumber rujukan dalam penilaian permohonan PKS dan dapat mengelakkan pertindihan dalam pemberian insentif kepada para PKS. Penggunaan sistem ini juga dapat membantu meningkatkan ketelusan pemberian bantuan Kerajaan kepada PKS secara efektif dan menyeluruh, di samping mengagihkan sumber secara lebih cekap.
4. Dengan adanya sistem ini, Kementerian ini berpendapat isu *grantpreneurship* akan dapat dikawal di samping memastikan dana serta bantuan kerajaan dapat disalurkan kepada PKS yang berkeelayakan.
5. Pendekatan yang diambil adalah lebih menjurus kepada tindakan mengawal (*preventive*) berbanding menghukum (*punitive*), dan ianya dilihat dapat membantu memastikan semakan dapat dilaksanakan terlebih dahulu melalui kerjasama antara semua kementerian dan agensi berkaitan sebelum keputusan untuk menyalurkan bantuan kepada mana-mana PKS dibuat.

Sekian, terima kasih.